

NO. SOALAN: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 7857

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan syarikat keselamatan, pekerja sektor keselamatan swasta mengikut warganegara dari 2000 - 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 7 Mei 2015, sebanyak 781 buah syarikat telah diberikan lesen Agensi Persendirian bagi menjalankan aktiviti kawalan keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Adalah menjadi satu kesalahan undang-undang bagi mana-mana syarikat yang menjalankan kerja-kerja kawalan keselamatan sendiri (*in-house*) dan tidak berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan hanya membenarkan warganegara Malaysia (pengawal keselamatan tempatan) dan warganegara Nepal (pengawal keselamatan asing) sahaja untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan. Setakat pada 7 Mei 2015, jumlah pengawal keselamatan warga tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di seluruh Negara adalah seramai 173,534 orang, manakala jumlah pengawal keselamatan warganegara Nepal pula ialah seramai 44,749 orang.